

Bandar U yang hebat memiliki arked dan pusat membeli be-  
lah dengan pelbagai perkhidmatan sokongan yang memudah-  
kan kehidupan pelajar dan penduduk di situ. Kedai buku, kedai  
alat tulis, kedai sukan, kedai dobi, kedai cetak, kedai serbaguna  
24 jam antara keperluan mereka.

Kehebatan sebuah institusi bukanlah bergantung kepada  
bangunan, kurikulum, ahli akademik dan kemudahan yang  
dimiliki tetapi juga persekitarannya. Universiti Melbourne mi-  
salnya dikelilingi 13 institusi penyelidikan dan 11 universiti lain.

Perhubungan dan persaingan antara semua itulah yang  
membentuk organisasi pesaing sejagat. Pada peringkat tem-  
patan kelompok IPTS seperti Kolej Taylor, INTI, Metropolitan  
dan SEGI di samping Sunway, One Academy dan Monash dan  
Pusat Perubatan Sunway telah membentuk bandar U yang di-  
namik sekitar Subang Jaya yang berjaya menarik ramai pela-  
jar serata dunia.

Pada ketika ini bandar U kita akan terus berkembang secara  
sendirian kecuali Pagoh yang memiliki perancangan jelas dan  
akan bersambungan pula dengan tren kelajuan tinggi. Semen-  
tara bandar atau pekan U lain antaranya Bacok, Besut, Kuala  
Pahang, Kota Samarahan, Nilai, Seri Iskandar, Sintok dan Pauh  
Putra akan berkembang mengikut keadaan setempat.

Pada ketika ini pihak pengurusan universiti mengharap  
ihisan daripada kerajaan tempatan dan negeri untuk mem-  
bawa perubahan sekitarnya untuk menjadi sebuah bandar  
U. Mungkin telah tiba masanya dipercepatkan proses ini de-  
ngan melibatkan sama pengurusan universiti dalam pem-  
bangunan persekitaran mereka.

**DATUK DR. MOHAMAD AZMIE ZAKARIA** ialah Pengarah Pusat Ilmuwan  
Darulaman dan bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar.